

## **HONG LEONG BANK BERHAD AKAUN SIMPANAN HARVEST**

### **TERMA DAN SYARAT**

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Kad Debit dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkenaan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal, serta juga kaedah dan peraturan lain yang mengikat ke atas HLB.

### **KELAYAKAN**

1. Akaun Simpanan Harvest Hong Leong ("Harvest SA") terbuka kepada individu termasuk Pemastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia berumur **Lima Puluh (50)** dan ke atas, dan Harvest SA itu hendaklah dipegang secara individu atau bersesama dengan individu lain ("Pemegang Akaun") yang tidak melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berhubung dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh HLB atau tidak diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemuffliisan pada bila-bila masa.
2. Pemastautin bukan warga Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan di bawahnya.
3. Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Amalan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan lain tidak layak membuka atau mengendalikan Harvest SA.
4. Deposit permulaan minimum untuk membuka Harvest SA ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja.
5. Untuk membuka Harvest SA tiada pencadang diperlukan.

### **Faedah Simpanan**

6. Faedah berbilang tingkat atas baki kredit Harvest SA dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki penutup setiap hari dan dikreditkan pada haribulan akhir setiap bulan ke dalam Harvest SA atau pada hari Harvest SA ditutup.
7. Jika sekiranya Harvest SA ditutup sebelum tarikh pengkreditan faedah berikutnya, maka faedah yang terakru akan dikira secara pro rata berdasarkan bilangan hari akaun itu kekal aktif dan akan dikira sehingga dan termasuk hari sebelum Harvest SA ditutup.
8. Kadar faedah terkini boleh didapati di laman web korporat HLB [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman web HLB").

### **e-Penyata Bulanan**

9. Tiada buku simpanan akan dikeluarkan bagi akaun yang dibuka melalui sistem Multi Channel Interface ("MCI") yang disediakan di cawangan HLB. Akan tetapi, e-Penyata akaun bulanan bagi Harvest SA yang dibuka melalui MCI akan dihantar kepada Pemegang Akaun.

### Pengeluaran Buku Simpanan

10. Untuk pelanggan baru HLB, buku simpanan akan dikeluarkan bagi akaun yang dibuka melalui sistem "Branch Teller System" ("BTS") yang disediakan di cawangan HLB. Di mana buku simpanan dikeluarkan untuk Harvest SA, penyata akaun bulanan tidak akan dikeluarkan kepada Pemegang Akaun. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk kemaskini buku simpanan secara berkala, atas sebab buku simpanan tidak dinyatakan baki semasa Pemegang Akaun Harvest SA oleh kerana transaksi simpanan atau caj pelbagai boleh dikenakan tanpa rekod penyertaan dibuat di dalam buku simpanan. Rekod transaksi ke dalam buku simpanan hanya akan dikemaskini secara manual melalui BTS dan selepas identiti Pemegang Akaun disahkan. Penyata semasa bulanan yang muktamad and konklusif adalah mengikut rekod HLB.

### **PULANGAN TUNAI KAD DEBIT**

11. Pulangan Tunai Kad Debit ("Pulangan Tunai") terbuka kepada seluruh Pemegang Akaun yang memiliki Kad Debit HLB yang berjaya dipautkan kepada Harvest SA sebagai akaun belian runcit ("Pemegang Kad").
12. Pemegang Kad berikut **TIDAK** layak mendapat Pulangan Tunai:
- Memiliki Kad Debit HLB yang **TIDAK** dikeluarkan di Malaysia;
  - Akaun Kad Debitnya **TIDAK** berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada CASA yang telah ditutup atau tak aktif atau melanggar mana-mama Terma & Syarat HLB;
  - Akaun Kad Debitnya dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debitnya tak sah atau dibatalkan menurut takrifan HLB;
  - Pelanggan Perbankan Persendirian HLB.
13. Pemegang Kad layak mendapat **0.5% Pulangan Tunai** apabila Pemegang Kad menggunakan Kad Debit HLB mereka bagi transaksi runcit dengan peniaga berkaitan penjagaan kesihatan, perubatan dan farmaseutikal terpilih yang berjaya dipautkan kepada Kod Kategori Peniaga ("MCC") seperti tertera di bawah ("Transaksi Layak"):

<b>MCC</b>	<b>Keterangan</b>
5912	Kedai Ubat dan Farmasi
5975	Alat Bantuan Pendengaran (Kedai Jualan, Perkhidmatan dan Bekalan)
5976	Barangan Ortopedik (Kedai Anggota Palsu)
8011	Doktor (tidak dikelaskan tempat lain)
8021	Doktor Pergigian dan Pakar Ortodontik
8031	Pakar Perubatan Osteopati
8041	Kiropraktor
8042	Optometris dan Pakar Oftalmologi
8049	Kiropodis dan Podiatris
8050	Kemudahan Kejururawatan dan Penjagaan Diri
8062	Hospital
8071	Makmal Pergigian dan Perubatan
8099	Pengamal Kesihatan dan Perkhidmatan Perubatan (tidak dikelaskan tempat lain)

14. Transaksi Layak bermaksud belian runcit yang diurusniaga dalam **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja.
15. Transaksi Layak meliputi belian di tempat jualan, belian dalam talian dan pengebilan automatik.
16. Hanya Transaksi Layak sahaja seperti yang dinyatakan dalam Fasal 12 hingga 14 di atas yang berjaya direkodkan dan dicatatkan dalam penyata bulanan Harvest SA layak mendapat Pulangan Tunai.
17. Jumlah pembayaran Pulangan Tunai dihadkan pada **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)** sebulan.

18. Kad Debit HLB dan Harvest SA Pemegang Kad mestilah kekal sah dan aktif sehinggalah Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam Harvest SA, jika tidak, Pulangan Tunai akan dilupuskan.
19. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Harvest SA Pemegang Kad dalam masa **dua (2)** minggu bulan berikutan bulan Transaksi Layak dilakukan.
20. Gambaran pengiraan kelayakan Pulangan Tunai ditunjukkan di bawah:

Bulan Transaksi Layak dilakukan	Jumlah Amaun Terkumpul melalui Transaksi Layak	Kelayakan 0.5% Pulangan Tunai	Bulan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam Harvest SA
Jun 2016	RM10,000	RM50	Julai 2016
Julai 2016	RM20,000	RM100	Ogos 2016
Ogos 2016	RM25,000	RM100	September 2016

### **PENYEDIAAN DEKLARASI AMANAH**

21. Setelah membuka Harvest SA, Pemegang Akaun juga akan diberi pilihan untuk menggunakan khidmat Rockwills Trustee Berhad (“RWT”) dengan tujuan menyediakan Deklarasi Amanah (“DOT”) bagi Harvest SA dan/atau apa-apa akaun lain yang Pemegang Akaun selenggarakan dengan HLB mengikut pilihan Pemegang Akaun (“Pilihan DOT”), tanpa sebarang caj dikenakan oleh RWT atas penyediaan DOT tersebut. Pilihan DOT ini hanya disediakan untuk Harvest SA yang diselenggarakan atas dasar individu.
22. HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian khidmat DOT yang disediakan oleh RWT, begitu juga HLB tidak dianggap telah membuat apa-apa syor mengenai Pilihan DOT kepada Pemegang Akaun. Pemegang Akaun hendaklah atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri mengurus secara terus dengan RWT untuk segala maklumat mengenai Pilihan DOT tanpa bantuan HLB. Keputusan untuk menubuhkan Pilihan DOT adalah semata-mata berdasarkan pertimbangan Pemegang Akaun sendiri dan/atau nasihat daripada penasihat profesional mereka.

### **DEPOSIT GANJARAN HARI JADI**

Deposit Ganjaran Hari Jadi (“BR Deposit”) adalah satu akaun simpanan di mana akan dibuka sebagai sub-akaun kepada Harvest SA. Penciptaan, peletakan dan pengeluaran BR Deposit akan dilakukan secara online melalui Hong Leong Connect (“HL Connect”).

#### Kelayakan

23. BR Deposit hanya tersedia untuk Pemegang Akaun yang telah mendaftar untuk HL Connect.
24. BR Deposit hanya ditawarkan kepada Pemegang Akaun semasa Bulan Hari Jadi dan semua BR Deposit hanya boleh diletak semasa Bulan Hari Jadi (ditakrifkan dalam Fasal 24 di bawah).
25. Bagi mengelakkan keraguan, “Bulan Hari Jadi” ditakrifkan sebagai hari **pertama** bulan kalendar sehingga hari terakhir bulan kalendar di mana hari jadi Pemegang Akaun berlaku, termasuk kedua-dua tarikh.

#### Pembukaan Akaun dan Peletakan

26. Akaun BR Deposit hanya boleh dicipta oleh Pemegang Akaun melalui HL Connect sebagai sub-akaun kepada Harvest SA yang sedia ada.

27. BR Deposit hanya boleh dilakukan secara berikut:

- (a) Peletakan BR Deposit adalah tertakluk kepada Amaun Peletakan Minimum BR Deposit dan Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit seperti yang dinyatakan dalam jadual di Fasal 30 di bawah.
- (b) Peletakan BR Deposit secara gandaan **TIDAK** dibenarkan. Hanya **satu (1)** peletakan BR Deposit boleh dilakukan setiap tahun kalendar semasa Bulan Hari Jadi melalui pemindahan dana dari Harvest SA sedia ada Pemegang Akaun (sama ada secara individu atau bersama) kepada Akaun BR Deposit yang dikaitkan.
- (c) Pemindahan dana daripada akaun pihak **ketiga (ke-3)**, iaitu di mana sumber dana bukan dari Harvest SA yang dimiliki oleh Pemegang Akaun secara persendirian atau bersejama, adalah tidak dibenarkan.
- (d) Peletakan BR Deposit hanya boleh dilakukan melalui HL Connect antara 6.00 pagi dan 12.00 pagi, **tujuh (7)** hari seminggu, atau semasa waktu seperti yang ditetapkan oleh HLB di HL Connect.

28. Tarikh efektif bagi BR Deposit adalah tarikh peletakan ("Tarikh Peletakan") jika peletakan berjaya dilakukan melalui HL Connect.

29. Apabila peletakan berjaya dilakukan, Resit Transaksi HL Connect yang mengandungi butir-butir transaksi peletakan akan dijanakan, seperti amaun yang diletakkan di dalam BR Deposit ("Amaun Peletakan BR Deposit"), Tempoh (seperti yang ditakrifkan di dalam jadual dalam Fasal 30 di bawah) dan Kadar BR Deposit. Transaksi-transaksi dalam Akaun BR Deposit juga akan dapat dilihat dalam penyata akaun Harvest SA.

30. Semua BR Deposit **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk mendapatkan apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada Pemegang Akaun atau mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** yang lain.

#### Faedah

31. Pemegang Akaun yang menyimpan Amaun Peletakan Minimum BR Deposit yang tertentu sehingga Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit untuk Tempoh yang dinyatakan di bawah adalah layak kepada Kadar BR Deposit berikut:-

Tempoh	Kadar BR Deposit	Kadar Efektif BR Deposit	Amaun Peletakan Minimum BR Deposit	Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit
Satu (1) bulan dari Tarikh Peletakan	3.00% setahun	3.00% setahun	RM5,000	RM50,000

32. Amaun Peletakan Minimum BR Deposit, Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit, Tempoh dan Kadar BR Deposit akan disemak semula oleh HLB atas budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Akaun.

33. Bagi apa-apa pengeluaran awal atau penamatan awal BR Deposit atas apa-apa sebab jua, syarat-syarat berikut akan dikenakan atas amaun yang dikeluarkan:

- (a) Tiada faedah akan dibayar jika BR Deposit itu dikeluarkan sebelum menyempurnakan **lima belas (15)** hari dari Tarikh Peletakan; atau
- (b) Kadar efektif 0.70% setahun akan dibayar jika BR Deposit itu dikeluarkan pada hari **kelima belas (ke-15)** dari Tarikh Peletakan atau bila-bila masa selepas itu.

34. Setelah tamat Tempoh, Amaun Peletakan BR Deposit bersama-sama dengan faedah yang diperolehi pada Kadar BR Deposit, akan dikreditkan secara automatic ke dalam Harvest SA Pemegang Akaun di mana Akaun BR Deposit itu dikaitkan.

35. Pengeluaran sebahagian dan pembaharuan amaun BR Deposit tidak dibenarkan.

## UMUM

36. HLB berhak:
- (a) Pada bila-bila masa, dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicaranya yang mutlak dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pemegang Akaun bersetuju mengakses Laman Web dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat; dan
  - (b) Menolak/tidak meluluskan mana-mana Pemegang Akaun atas apa jua sebab sekalipun menurut budi bicara mutlak HLB untuk membuka Harvest SA.
37. Fi dan caj standard bagi semua transaksi akan dikenakan ke atas Harvest SA mengikut Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma dan Syarat Kad Debit. Fi dan caj standard dipaparkan dalam laman web HLB, dan dipinda dari semasa ke semasa.
38. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan/atau Terma dan Syarat Kad Debit (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi dan caj), maka Terma & Syarat tertentu di sini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
39. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Akaun Simpanan Harvest layak dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**